



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 MAC 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SOKONG CADANGAN, KAEDAH TERBAIK KURANGKAN HARGA AYAM, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI AKUI AGRO MAKANAN NEGARA BERDEPAN IMPAK PERUBAHAN IKLIM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
3.	MAFI SALUR BANTUAN LEBIH RM90 JUTA KEPADA PETANI TERJEJAS BANJIR, PARLIMEN, SH -6	
4.	MAFI TERBUKA TERIMA APA JUA CADANGAN, LOKAL, HM -9	
5.	CORN POLICY TO REDUCE FEED IMPORTS, NEWS/NATION, NST -4	
6.	GEOTANAMAN BANTU PETANI KE PERINGKAT GLOBAL, BH -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	SISTEM GEOTANAMAN TINGKAT EKONOMI USAHAWAN TANI, NEGARA, KOSMO -4	
8.	SOKONG KAEDAH TERBAIK KURANGKAN KOS HARGA AYAM, NASIONAL, BH -4	
9.	JAS, JABATAN PERIKANAN MELAKA SIASAT PUNCA RIBUAN IKAN MATI DI SUNGAI TUANG, NEGERI MELAKA, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	BAHAN GUNA TEKNOLOGI MIKROB LEBIH MURAH, NASIONAL, BH -4	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	KILANG BERAS DIUBAH SUAI MEMPROSES BENIH PADI, NEGARA, KOSMO -4	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	MALAYSIA HASIL LARVA BSF, ALTERNATIF MAKANAN HAIWAN, NASIONAL, BH -4	LAIN-LAIN
13.	PENDUDUK RIMAS DIGANGGU LALAT, DALAM NEGERI, UM -31	
14.	KEDAI MAKAN DISERANG LALAT, PELANGGAN JUJIK, NEGARA, KOSMO -16	
15.	BLACK SOLDIER FLY MAKANAN ALTERNATIF HAIWAN TERNAKAN, LOKAL, HM -23	
16.	LARVA LALAT BSF MAMPU JADI ALTERNATIF SUMBER MAKANAN TERNAKAN, NASIONAL, SH -7	
17.	IKTIRAF PAKAR TEMPATAN SELESAI MASALAH PELBAGAI BIDANG, KOMENTAR, BH -11	
18.	HARUMANIS KEMBALI JADI REBUTAN, NEGARA, KOSMO -17	
19.	HOBI TIGA SAHABAT TERNAK UDANG KARA JADI SUMBER REZEKI BAHARU, DALAM NEGERI, UM -29	
20.	UDANG KARA 'MUSIM PKP' KINI JANA PULANGAN LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM -29	
21.	BEKALAN DAGING LEMBU CUKUP SEPANJANG RAMADHAN, SYAWAL, NEGERI KEDAH, SH -23	
22.	ENSUTOUCH KOSMETIK ENZIM NANAS HASIL PENYELIDIKAN, DALAM NEGERI, UM -5	
23.	ENSUTOUCH KOSMETIK ENZIM NANAS HASIL PENYELIDIKAN, NEGARA, KOSMO -5	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

MAFI sokong cadangan, kaedah terbaik kurangkan harga ayam



Seremban: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa bersikap positif untuk melaksanakan kaedah terbaik dalam menangani isu kenaikan harga dan bekalan ayam tempatan untuk kepentingan pengguna.

Ia termasuk melaksanakan sebarang cadangan daripada pelbagai pihak dalam menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam serta mengurangkan

kebergantungan kepada bahan import bagi makanan ayam.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, sebagai agensi di bawah MAFI, pihaknya sedia melaksanakan sebarang syor dikemukakan selagi ia dapat mengurangkan harga dan kos pengeluaran makanan ayam.

"Kita sedar apabila berlaku kenaikan harga komoditi makanan untuk rakyat sememangnya ia menjadi isu dan apa juga yang dicadangkan, kita akan menyokong selagi ia dapat mengurangkan kos pengeluaran itu.

"Jabatan sememangnya sentiasa berusaha untuk mencari kaedah terbaik dalam mengurangkan harga ayam secara jangka panjang.

"Tetapi kita perlu membuat kajian terlebih sama ada sesuatu cadangan itu bersesuaian atau sebaliknya dan jika mendapati dapat menghasilkan produk setanding dengan produk asal iaitu menggunakan soya, jagung bagi makanan ayam, kita kena terima," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Jelajah Sistem Geotanaman Aspirasi Keluarga Malaysia, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Normaizah Ismail@Manaf dan Pengarah Pertanian Negeri Sembilan, Hisyam Yacob.

Terdahulu, Pensyarah Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Zulkifli Idrus mengemukakan empat syor untuk membantu kerajaan menangani isu bekalan dan harga ayam tempatan dalam jangka masa panjang.

Syor berkenaan adalah penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) sebagai bahan alternatif dalam ramuan makanan ayam dan larva serangga 'black soldier fly' (BSF) bagi menggantikan penggunaan mil kacang soya.

Dr Zulkifli berkata, Malaysia menghasilkan 2.3 juta tan PKC setahun dan hampas kelapa sawit itu mempunyai kandungan karbohidrat tinggi untuk penghasilan makanan ayam, sekali gus boleh mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan import jagung, yang kini mencecah empat juta tan setahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAFI akui agro makanan negara berdepan impak perubahan iklim



Dr Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR – Dewan Negara hari ini diberitahu, perubahan iklim merupakan cabaran utama dihadapi sektor agro makanan menjelang 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee memberitahu, kementeriannya mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah itu bagi memastikan sekuriti

makanan negara terjamin.

Kata beliau, fenomena perubahan iklim itu akan meningkatkan risiko dan kejadian bencana seperti banjir, kemarau berpanjangan dan peningkatan suhu pola hujan yang berubah serta kenaikan air laut.

Katanya, ia secara tidak langsung mempengaruhi ketersediaan air, sekali gus memberi kesan kepada pendapatan petani di negara ini.

“Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, MAFI telah membangunkan dasar baharu negara melalui Dasar Agro Makanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

“Antara lain, kita sedang mempergiatkan aktiviti pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim,” katanya dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Senator Datuk Nelson Renganathan yang meminta MAFI menyatakan rancangan kementerian untuk menangani kesan perubahan iklim terhadap sektor pertanian.

Menurut Dr. Ronald, bagi meminimumkan impak perubahan iklim terhadap sektor agro makanan, ia melalui tiga ciri utama iaitu kemampanan, berdaya tahan dan berpacuan kemajuan teknologi.

“Secara khusus, kata beliau, MAFI telah dan sedang mengambil beberapa strategi bagi menangani kesan perubahan iklim.

“Antaranya, menggalakkan penggunaan kaedah teknologi berasaskan iklim dan automasi, termasuk pendekatan pertanian pintar iklim yang menitikberatkan kaedah pertanian secara mampan.

“Di samping itu, kita turut menitik beratkan aspek pengurangan pelepasan gas rumah hijau,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga mengambil langkah memperkukuhkan data sekuriti makanan untuk menilai dan memantau tahap sekuriti makanan termasuk kesan perubahan iklim terhadap sektor agro makanan.

MAFI turut mempergiatkan penyelidikan pembangunan pengkomersialan dan inovasi dalam amalan pertanian alternatif.

Ini katanya, termasuk menjalankan penyelidikan berhubung keberkesanan dan kecekapan penyampaian teknologi sedia ada dan inovasi kaedah baru melalui pendekatan Pertanian Pintar Iklim (CSA) bagi meminimumkan impak iklim terhadap tanaman buah-buahan seperti nanas, betik, nangka, durian serta sayur-sayuran.

“Kesan perubahan iklim semakin dirasai kebelakangan ini apabila sepanjang tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021 sebanyak 40,828 hektar tanaman padi musnah akibat banjir di seluruh negara.

“Bagi tanaman agro makanan seperti buah-buahan dan tanaman kontan yang terkesan adalah seluas 1,944.57 hektar, manakala 9,336 hektar tanaman padi mengalami kerosakan akibat kemarau,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2022	SINAR HARIAN	PARLIMEN	6

MAFI salur bantuan lebih RM90 juta kepada petani terjejas banjir

KUALA LUMPUR

- Lebih RM90 juta bantuan telah disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada petani terjejas akibat banjir, Dewan Negara diberitahu pada Isnin.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bantuan yang disalurkan meliputi input pertanian, peralatan dan mesin pertanian.

“Bantuan yang diberikan MAFI bukan dalam bentuk kewangan (sebaliknya) meliputi input pertanian, peralatan, mesin



RONALD

dan bantuan lain yang bersesuaian, sebanyak RM90.6 juta disalurkan setakat ini.

“(Bagi) kelulusan pembangunan semula projek agromakanan 2022 sejumlah RM20.4 juta diperuntukkan dan telah diluluskan melibatkan 1,821 pe-

nerima yang terkesan banjir,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara.

Ronald menjawab soalan Senator Datuk Nelson Renganathan yang ingin tahu bantuan kerajaan kepada pekebun kecil susulan perubahan iklim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	9

KENAIKAN HARGA BARANG

Mafi terbuka terima apa jua cadangan

Seremban: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sentiasa bersikap positif untuk melaksanakan kaedah terbaik dalam menangani isu kenaikan harga dan bekalan ayam tempatan untuk kepentingan pengguna.

Ia termasuk melaksanakan cadangan pelbagai pihak dalam menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan import bagi makanan ayam.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, sebagai agensi di bawah Mafi, pihaknya sedia melaksanakan sebarang syor dikemuka selagi ia dapat mengurangkan harga dan kos pengeluaran makanan ayam.

“Kita sedar apabila berlaku kenaikan harga komoditi makanan untuk rakyat sememangnya ia menjadi isu dan apa juga dicadangkan, kita akan menyokong selagi ia dapat mengurangkan kos pengeluaran itu.



Jabatan sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik dalam mengurangkan harga ayam secara jangka panjang”

Zahimi

“Jabatan sentiasa berusaha mencari kaedah terbaik dalam mengurangkan harga ayam secara jangka panjang.

“Tetapi kita perlu membuat kajian terlebih sama ada sesuatu cadangan itu bersesuaian atau sebaliknya dan jika mendapati dapat menghasilkan produk setanding dengan produk asal, iaitu menggunakan soya, jagung bagi makanan ayam, kita kena terima,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Jelajah Sistem Geotanaman Aspirasi Keluarga Malaysia di sini, semalam.

FOOD SECURITY

CORN POLICY TO REDUCE FEED IMPORTS

Similar policy for padi reduced dependence on foreign grain, says Kiandee


KUALA LUMPUR

ANATIONAL policy on corn cultivation is being formulated, as part of efforts to reduce the country's dependence on imported animal feed, the Dewan Negara was told yesterday.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said this was following the surge in the price of animal feed, which had led to costlier poultry products.

"We didn't have such a policy to promote corn farming as importing the product, a component of animal feed, was much cheaper back then. The cost of (importing) corn now is too high.

"National policies, like padi farming, that have been implemented for years, had helped reduce dependence on imports despite it being cheaper to import rice at the time," he said in reply to Senator Datuk Iskandar Dzulkarna-



A farmer harvesting his corn crop. The grain is a vital component in animal feed. FILE PIC

automation, reducing the release of greenhouse gases and strengthening food security data to assess and monitor food security levels, which included the effects of climate change on the agri-food sector.

Others are increasing efforts in RDCI for alternative farming and new innovation through Climate Smart Agriculture (CSA) to minimise the impact of climate change in the cultivation of vegetables and fruits like pineapple, papaya, jackfruit and durian.

"The effects of climate change are becoming more apparent in the five years between 2017 and 2021, where 40,828ha of padi fields in the peninsula were destroyed during floods. A total of 1,944.57ha of fruit, vegetable and crop farms were damaged due to drought.

"The ministry, with the cooperation of Agrobank, had created the Agrofood Protection Takaful Scheme to fulfil the needs of the agri-food community affected by income uncertainties due to natural disasters, climate change, diseases and others," he said in reply to Senator Datuk Nelson Renganathan.

Kiandee said the ministry would continue working with the Environment and Water Ministry to ensure the planning and implementation of strategies under the agri-food sector were in line with climate change policies at the national and international levels.

implementation of the National Dairy Industry Development Strategic Plan (Dairy Plan) to promote cattle rearing and increase beef self-sufficiency from 50 per cent to 100 per cent by 2025.

Other measures are upgrading infrastructure, amenities and facilities, increasing utilisation of modern technology, supporting modernisation and smart farming, and boosting research, development, commercialisation and innovation (RDCEI).

He said the ministry would continue to focus on strategies to improve food production in the country, with the implementation of the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0) and National Food Security Policy Action Plan 2021-2025.

Earlier, Kiandee said several measures had been taken to mitigate the effects of climate change on local agriculture.

They included the application of climate-based technology and

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Geotanaman bantu petani ke peringkat global



Pegawai Jabatan Pertanian (dua kanan) menerangkan mengenai Sistem Geotanaman kepada usaha disaksikan Pengarah Pertanian Negeri Sembilan, Hisyam Yacob (dua kiri) di Seremban hari ini. - Foto Mohd Amin Jalil.

SEREMBAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mewujudkan Sistem Geoinformasi Tanaman Makanan Negara (Geotanaman) bagi memperkasakan lagi ekonomi usahawan tani ke peringkat yang lebih luas dan global.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan, berkata sistem berkenaan juga dalam membantu dalam menyediakan bekalan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan.

Beliau berkata, sistem itu boleh diakses menggunakan telefon pintar, bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat tanaman makanan negara, malah boleh mengurus dan menganalisis maklumat serta data guna tanah.

Katanya, Sistem Geotanaman dibina bagi mencapai dua objektif utama iaitu mengatasi lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan serta menangani kemasukan sayur dan buah-buahan import.

"Selain itu, membangunkan Pangkalan Data Geospatial Inventori Tanaman Negara bersepadu yang teratur seiring ke arah Transformasi Pertanian Digital.

"Fokus utama adalah memperkasakan ekonomi usahawan tani dalam menyediakan bekalan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan oleh rakyat," katanya ketika melancarkan Program Jelajah Sistem GeoTanaman Aspirasi Keluarga Malaysia di sini, hari ini.

Menerusi sistem berkenaan, beliau berkata, Jabatan Pertanian akan bertindak sebagai pemangkin dan pemudahcara kepada peningkatan hasil tanaman untuk menembusi pasaran luar.

"Padanan pasaran atau e-dagang dilakukan secara terus di antara usahawan tani dengan pengeksport.

"Sistem GeoTanaman ini satu aplikasi yang menjimatkan kos, mesra pengguna, interaktif, mudah difahami dan boleh diakses oleh semua pemegang taruh," katanya.

Zahimi berkata, sistem berkenaan juga adalah inisiatif MyDigital yang telah dipilih oleh MAFI untuk Pemerkasaan Ekonomi Digital Dalam Sektor Pertanian.

Katanya, usahawan perlu pergi lebih luas dan jauh ke peringkat global menerusi produksi hasil pertanian dan penggunaan amalan pertanian berasaskan digital.

"Kementerian menyasarkan semua golongan petani yang mendapat bantuan daripada jabatan terutamanya peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan insentif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 diwajibkan mendaftar dalam sistem ini.

"Saya juga meminta semua pihak untuk sama-sama menyokong langkah transformasi digital pertanian negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Zahimi yakin pemberian gaji RM1,500 tidak akan menjejaskan pengeluaran produk pertanian untuk keperluan pengguna dipasaran.

Beliau berkata, ketika ini ramai kalangan pekerja di sektor berkenaan menerima pendapatan dalam lingkungan berkenaan.

"Saya yakin ia tidak akan terjejas ketara kerana pekerja sektor ini ketika ini menerima pendapatan sekitar RM1,500, malah ada yang lebih dari itu," katanya.

Kilang beras diubah suai memproses benih padi

KULIM - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah kini sedang mengubah suai sebuah kilang beras untuk dijadikan sebagai kilang memproses benih padi sah bagi atasi isu kekurangan bekalan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perumahan, Perlindungan dan Halmoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin berkata, kilang memproses benih padi itu berada di Kampung Kubur Panjang, Pendang.

Ujarnya, kilang terbabit dahulunya merupakan sebuah kilang beras dan pihak (PPN) kini sedang menjalankan kerja

pengubahsuaiannya yang dijangka mula beroperasi bulan Ogos nanti.

"Bila mulanya operasi kilang benih padi sah itu ia akan dapat bekai kira-kira 5,000 tan metrik benih padi semusim kepada pesawah di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda di negeri ini.

"Dengan adanya kilang milik PPN yang pertama di negeri ini, ia akan dapat membantu sebahagian pesawah yang memerlukan benih padi sah apabila tiba musim penanaman padi," katanya selepas majlis perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di Stadium Kulim semalam.



AZMAN (dua dari kanan) mendengar penjelasan penggunaan dron selepas majlis perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kedah, di Stadium Kulim, Kulim semalam.

Sistem GeoTanaman tingkat ekonomi usahawan tani

SEREMBAN - Jabatan Pertanian telah membangunkan Sistem GeoTanaman untuk memperkayakan ekonomi usahawan tani khususnya dalam menyediakan bekalan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, sistem itu dapat membantu usahawan tani meneruskan aktiviti pertanian dan memasarkan hasil pertanian dengan lebih efisien.

"Sistem ini menggunakan konsep 'service oriented architecture' yang boleh dicapai melalui laman web dan 'mobile' atau menggunakan telefon pintar.

"Sesuai dengan trend sekarang semua perkara di hujung jari. Justeru, sistem ini juga boleh diakses menggunakan telefon pintar untuk mendapatkan maklumat tanaman makanan negara," katanya ketika berucap pada Program Jelajah Sistem GeoTanaman Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan di sini semalam.

Menurut Zahimi, sistem GeoTanaman dibina bagi mengatasi masalah lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan pada masa sama mengatasi kemasukan sayur dan buah-buahan import.

"Semua maklumat ladang dan



ZAHIMI (dua dari kiri) menyampaikan Sijil Perakuan Pendaftaran Sistem GeoTanaman kepada seorang usahawan tani pada Program Jelajah Sistem GeoTanaman Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Sembilan di Seremban semalam.

petani-petani di seluruh Semenanjung Malaysia turut kita petakan secara digital.

"Jabatan Pertanian menjadi pemangkin dan pemudahcara kepada peningkatan hasil tanaman busi pasaran luar melalui analisis pengeluaran secara spesifik di lokasi ladang, perancangan penanaman dan pengeluaran ber-

dasarkan permintaan tempatan dan antarabangsa," katanya. Jelas beliau, padanan pasaran atau e-dagang secara terus di antara usahawan tani dengan pengeksport juga boleh dicapai secara dalam talian.

"Ja merupakan inisiatif MyDigital yang telah dipilih oleh Kementerian dalam memperka-

sakan pertanian," ujarnya lagi.

JAS, Jabatan Perikanan Melaka siasat punca ribuan ikan mati di Sungai Tuang

MELAKA - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka masih menjalankan siasatan berhubung ribuan ikan mati terdampar di Sungai Tuang, Masjid Tanah pada Ahad. Pengarahnya, Rosli Osman berkata, setakat ini pihaknya sedang menyiasat sekiranya berlaku tumpahan minyak di kawasan sekitar kejadian ikan mati.

"Berdasarkan siasatan semalam (Ahad) bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Melaka dan Negeri Sembilan serta Jabatan Laut Malaysia kita tidak mengesan sebarang tumpahan minyak," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Mengulas lanjut, Rosli turut menolak dakwaan tumpahan belerang atau sulfur monoksida yang berlaku sebelum ini akan menjejaskan hidupan laut.

Sementara itu, Pengarah Jabatan

Perikanan negeri, Mohd Fauzi Salehon berkata, pihaknya akan memberi maklum balas selepas siasatan selesai dijalankan.

Dalam pada itu, kerajaan negeri mendakwa kejadian ikan tamban pias mati terdampar berkenaan berkemungkinan ia dibuang individu kerana tidak mempunyai nilai di pasaran.

Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, kematian ikan tersebut kerana dibuang oleh mereka yang memasang jaring hanyut atau pekap di pantai sekitar berikutan sifat semula jadi ikan itu yang mempunyai bau hanyir, rasa tawar dan mempunyai tulang banyak.

Media pada Ahad melaporkan tumpahan sulfur monoksida yang berlaku di sebuah industri berdekatan pantai Sungai Tuang berkemungkinan didakwa menjadi punca kepada ribuan ikan mati terdampar.



Sebahagian ikan yang ditemui mati terdampar di Sungai Tuang, Masjid Tanah pada Ahad.

Sokong kaedah terbaik kurangan kos harga ayam

Seremban: Jabatan Pertanian sentiasa positif melaksanakan sebarang kaedah terbaik bagi menangani isu kenaikan harga dan bekalan ayam tempatan untuk kepentingan pengguna.

ia termasuk melaksanakan cadangan daripada pelbagai pihak bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam terutama dalam mengurangkan kebergantungan kepada bahan import makanan ayam.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan, berkata pihaknya sedia melaksanakan sebarang syor dikemukakan yang dapat mengurangkan harga dan kos pengeluaran makanan ayam.

"Kita sedar apabila berlaku kenaikan harga komoditi makanan untuk rakyat, ia menjadi isu dan apa juga yang dicadangkan, jabatan menyokong selagi ia dapat mengurangkan kos pengeluaran itu.

"Tetapi kita juga perlu membuat kajian terlebih dulu sama ada sesuatu cadangan itu bersesuaian atau sebaliknya dan jika kajian mendapati dapat menghasilkan produk setanding dengan produk asal iaitu menggunakan soya, jagung bagi makanan ayam, kita kena terima," katanya selepas Program Jelajah Sistem Geotaman Aspirasi Keluarga Malaysia, di sini semalam.

Terdahulu, Pensyarah Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Zulkifli Idrus, mengemukakan empat syor dalam membantu kerajaan menangani isu bekalan dan harga ayam tempatan dalam jangka masa panjang.

Sementara itu, Zahimi berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mewujudkan Sistem Geoinformasi Tanaman Makanan Negara (Geotaman) bagi memperkasakan lagi ekonomi usahawan tani ke peringkat lebih luas dan global.

Beliau berkata, sistem berkenaan juga bagi membantu menyediakan bekalan makanan berkualiti dan selamat dimakan.

Katanya, sistem itu boleh diakses menggunakan telefon pintar, bukan saja untuk mendapatkan maklumat tanaman makanan negara, malah boleh mengurus dan menganalisis maklumat serta data guna tanah.

"Sistem Geotaman dibina bagi mencapai dua objektif utama iaitu mengatasi lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan serta menangani kemasukan sayur dan buah-buahan import," katanya.

Malaysia hasil larva BSF, alternatif makanan haiwan

Black Soldier Fly mampu kurangkan beban pengusaha

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Muar: Malaysia bakal menghasilkan alat larva Black Soldier Fly (BSF) yang dikenal pasti berpotensi menjadi makanan alternatif bagi haiwan ternakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata projek menerusi Program Bioremediasi Keluarga Malaysia diharapkan mampu mengurangkan beban pengusaha industri ternakan yang kini dibelenggu kenaikan harga dedak.

Beliau berkata, penghasilan alat larva itu juga diharapkan dapat mengurangkan masalah pengurusan sisa domestik dan sisa pertanian di negara ini.

Katanya, program itu diblayai dana Malaysia Inovasi Sosial (MyIS) MOSTI dan dilaksanakan Institut Agrobioteknologi (ABI), Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Muar Selatan.



Dr Adham (dua dari kiri) menunjukkan alat larva BSF pada Majlis Pelancaran Program Bioremediasi Keluarga Malaysia di PPK Muar Selatan, semalam. (Foto Mohamad Fahd Rahmat/BH)

darang Kawasan (PPK) Muar Selatan.

"Menurut data daripada Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan 2022, harga dedak meningkat 30 peratus bermula Mac tahun lalu.

"Sebagai contoh, harga makanan kambing pada Mac tahun lalu adalah sekitar RM52 bagi setiap 50 kilogram (kg), namun ketika ini ia meningkat kepada RM64 bagi setiap 50 kg," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Bioremediasi Keluarga Malaysia di Pusat Perkhidmatan Pertanian

Bersepadu, PPK Muar Selatan, di sini semalam.

Dr Adham berkata, MOSTI menajayakan Program Bioremediasi Keluarga Malaysia bagi memastikan beban dan kos penternak dapat dikurangkan.

Katanya, program itu selari dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara 2021-2030 dan Agenda Sekuriti Makanan Negara.

"MOSTI memainkan peranan penting dalam memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan dalam penghasilan formulasi makanan ternakan haiwan sebagai sumber protein alternatif melalui Projek Pem-

prosesan Bio-Sisa menggunakan larva BSF," katanya.

Beliau berkata, projek itu akan menjadi pemangkin perubahan bagi mengatasi kebergantungan terhadap bahan import makanan haiwan ternakan.

"Impaknya akan dapat mengawal harga pasaran daging, seterusnya dapat menjamin keselamatan makanan negara," katanya.

Katanya, usaha itu juga dapat menjaga pendapatan komuniti kawasan Muar Selatan dan Batu Pahat yang terbahagi sebagai peserta yang menternak dan menjual larva lalat berkenaan.

Bahan guna teknologi mikrob lebih murah

Kuala Lumpur: Formulasi makanan ternakan ayam menggunakan teknologi mikrob yang lebih baik dan mudah akan diperkenalkan di negara ini, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import seperti soya, jagung serta sayur yang semakin mahal dan sukar diperolehi.

Sumber baharu makanan ayam melalui teknologi mikrob itu adalah hasil inisiatif Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membabitkan proses pengurangan bahan mentah yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun depan.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata menerusi teknologi mikrob, bahan asas bagi pemakanan ternakan seperti nutrien dan tenaga akan diperolehi daripada sumber tempatan seperti isi rong sawit yang jauh lebih murah berbanding sumber diimport.

"Teknologi mikrob ini lebih mudah kerana ia menghasilkan makanan yang sukar dihadapi

ternakan seperti serat kepada asid amino dan protein. Ketika ini, penyelidikan hampir selesai dan MARDI sedang mengesan mikrob tertentu yang akan digunakan dalam proses pengurangan itu nanti.

"Ia bukan teknologi yang terhasil dalam sekelp mata kerana masih ada beberapa perkara sedang dikenal pasti penyelidik kami. Teknologi ini dijangka mampu diperkenalkan menjelang 2023," katanya kepada BH.

Sabtu lalu, BH melaporkan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mengemukakan empat syor bagi membantu kerajaan menangani isu bekalan dan harga ayam tempatan dalam jangka panjang.

Syor berkenaan adalah penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) sebagai bahan alternatif dalam ramuan makanan ayam dan larva serangga Black Soldier Fly (BSF) bagi menggantikan

penggunaan mil kacang soya, mewujudkan program perlindungan sosial kepada golongan sasar serta mewujudkan stok penimbal bahan makanan penting.

Mengulas lanjut, Mohamad Zabawi berkata, antara kelebihan teknologi berkenaan adalah kemampuan mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import seperti kacang soya, jagung serta jagung.

"Menerusi teknologi ini, kita mungkin terus menggunakan jagung sebagai sumber, tetapi ia mampu dikurangkan sehingga separuh. Kita juga berharap teknologi ini mampu mengurangkan PKC yang difahamkan boleh menggantikan sumber bahan mentah sedia ada," katanya.

Mengenai empat syor dikemukakan penyelidik UPM, beliau melihat perkara itu memberangsangkan dalam industri penternak dan MARDI sendiri

sudah mempunyai formulasi tersendiri PKC sebagai bahan alternatif dalam ramuan makanan ayam.

Bagaimanapun, katanya, PKC dilihat tidak boleh digunakan sepenuhnya sebagai bahan mentah makanan ayam kerana ia kekurangan bahan penting untuk tumbesaran ternakan seperti nutrien dan tenaga.

"Disebabkan itulah formula ini masih bergantung kepada bahan mentah seperti soya dan jagung yang biasa digunakan dalam pemakanan ternakan ayam. Setakat ini formula yang dibangunkan MARDI mencakupi 60 peratus penggunaan PKC.

"Kita sudah menghasilkan teknologi ini dan sektor penterakan seperti peladang boleh ambil untuk guna. MARDI hanya melaksanakan kajian dan penyelidikan," katanya.

Katanya, teknologi PKC MARDI menggunakan formula beras hancur itu sudah cukup lengkap dan bersedia untuk digunakan dalam sektor penterakan ayam negara.



Mohamad Zabawi Abdul Ghani

29/3/2022

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Penduduk rimas diganggu lalat

Oleh OTHMAN YAHAYA

utusannews@mediamulla.com.my

PENDANG: Kira-kira 500 penduduk Kampung Simpang 3, Bukit Kuang di sini dihantui masalah lalat yang didakwa berpunca dari ladang ternakan ayam berdekatan kampung mereka sejak lima tahun lalu. Penduduk mendakwa rimas dengan masalah lalat tersebut kerana mengganggu aktiviti seharian mereka terutama ketika ayam dibawa keluar dari ladang tersebut.

Peniaga kedai makan, Abdul Zubair Abdulllah, 48, berkata, kedai makannya sentiasa dihurungi lalat pada jumlah yang banyak hingga menjejaskan perniagaan pada setiap hari.

Menurutnya, dia terpaksa menggunakan pelbagai cara seperti menyembur racun, menggunakan kertas perangkap lalat untuk menghalau serangga itu namun semuanya tidak berkesan.

“Pendapatan saya terjejas teruk sejak sebulan lalu kerana kekurangan pelanggan kerana jijik dengan situasi premis dihurungi lalat.



ABDUL ZUBAIR ABDULLAH menunjukkan lalat yang banyak terperangkap di kedainya di Kampung Simpang 3, Bukit Kuang, Pendang, Kedah, semalam. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA

“Sudahlah terpaksa menanggung kerugian kerana kekurangan pelanggan malah makanan mentah pun turut rosak di hinggap serangga,” katanya semasa ditemui di sini semalam.

Seorang penduduk, Mat Piah Mat Ali, 49, berkata, lalat akan

bertambah banyak setiap kali ayam ternakan di lima ladang di Rancangan Bukit Kuang yang terletak lebih kurang satu kilometer dari kampung mereka dibawa keluar untuk dijual.

“Keadaan tersebut berlaku apabila serangga tersebut akan

lari ke kawasan kampung ini apabila reban ayam dicuci dan disembur racun oleh pemiliknya.

“Kami juga terkesan kerana selain rumah dimasuki lalat, aktiviti seperti kenduri turut terjejas kerana orang luar tentunya tidak selesa menjamah makanan kerana dipenuhi lalat,” ujarnya.

Penduduk, Maunum Mamat, 50, berkata, penduduk telah banyak kali memaklumkan kepada pihak berkuasa dan pemilik ladang ternakan ayam itu namun sehingga kini laporan mereka tidak diendahkan.

“Walaupun serangan lalat ini tidak sepanjang masa berlaku, namun kami rimas kerana ia turut menjejaskan aktiviti seharian dan kesihatan penduduk.

“Sepatutnya pihak berkuasa memantau dengan mengeluarkan syarat tambahan menternak ayam menggunakan reban terutup atau mengambil tindakan setiap kali aduan dibuat.

Katanya, mereka tidak menghalang perniagaan menternak ayam di kawasan itu tetapi biarlah dilakukan dengan betul dan tidak melibatkan kesan buruk kepada penduduk kampung.



ABDUL ZUBAIR menunjukkan alat yang terperangkap di premisnya di Kampung Simpang 3, Bukit Kuang, Pendang semalam.

Didakwa berpunca daripada ladang ternakan ayam

Kedai makan diserang lalat, pelanggan jijik

Oleh OTHMAN YAHYA

PENDANG – Kira-kira 500 penduduk Kampung Simpang 3 di Bukit Kuang di sini rimas dihan-tui masalah lalat dipercayai dari ladang ternakan ayam sehingga menjejaskan aktiviti seharian mereka sejak lima tahun lalu.

Peniaga kedai makan, Abdul Zubair Abdullah, 48, berkata, dia susah hati setiap kali tiba musim serangan lalat kerana menjejaskan perniagaan makanannya.

"Pelanggan juga tidak selesa dengan kehadiran serangga itu dalam jumlah yang banyak.

"Bila banyak lalat, pelanggan pun kurang kerana mungkin rasa jijik dengan keadaan kedai makan yang dipenuhi lalat," katanya

ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, dia terpaksa menggunakan pelbagai cara seperti menyembur racun dan menggunakan kertas perangkap lalat untuk membasmi serangga itu tetapi tidak berkesan.

Seorang penduduk, Mat Piah Mat Ali, 49, mendakwa, lalat bertambah banyak setiap kali ayam yang diternak di lima ladang ternakan terletak kira-kira satu kilometer dari kampung itu dibawa keluar untuk dijual.

"Berdasarkan pengamatan kami, lalat akan masuk ke kawasan kampung apabila reban dicuci dan disemur racun oleh pemiliknya," dakwanya.

Seorang lagi penduduk, Mai-mun Mamat, 50, berkata, mereka

telah beberapa kali memaklumkan kepada pihak berkuasa dan pemilik ladang ternakan ayam itu, namun belum ada tindakan diambil.

"Walaupun serangan lalat ini tidak berlaku sepanjang masa, namun kami rimas kerana turut menjejaskan aktiviti seharian dan kesihatan penduduk.

"Sepatutnya pihak berkuasa memantau dengan mengeluarkan syarat tambahan menternak ayam menggunakan reban tertutup atau mengambil tindakan setiap kali aduan dibuat," ujarnya.

Tambahnya, penduduk tidak menghalang operasi penternakan ayam di situ, namun ia perlu dibuat dengan cara yang betul.

Black Soldier Fly makanan alternatif haiwan ternakan

Muar: Malaysia bakal menghasilkan lalat larva *Black Soldier Fly* (BSF) yang dikenali pasti berpotensi menjadi makanan alternatif bagi haiwan ternakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, projek di bawah Program Bioremediasi Keluarga Malaysia itu diharap mampu mengurangkan beban pengusaha industri ternakan yang kini dibelunggu kenaikan harga dedak.

Katanya, program yang di-biaya menerusi dana Malaysia Inovasi Sosial (MyIS) Mosti dan dilaksanakan oleh Institut Agro-Bioteknologi (Abi), Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIEM) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Muar Selatan itu juga diharap dapat mengurangkan masalah pengurusan sisa domestik dan sisa pertanian di negara ini.



DR Adham (dua dari kanan) melihat alat larva BSF.



Mosti menjayakan Program Bioremediasi Keluarga Malaysia ini bagi meringankan beban dan kos penternakan dikurangkan"

Dr Adham

"Menurut data Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan 2022, harga dedak sudah meningkat 30 peratus bermula sejak Mac tahun lalu.

"Sebagai contoh, harga makanan kambing pada bulan Mac tahun lalu adalah sekitar RM52 bagi setiap 50 kilogram namun ketika ini ia meningkat kepada RM64 bagi setiap 50 kilogram.

"Mosti menjayakan Program Bioremediasi Keluarga

Malaysia ini bagi memastikan beban dan kos penternakan dikurangkan. Program ini selari dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara 2021-2030 dan Agenda Sektori Makanan Negara.

"Mosti memaikan peranan penting memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan dalam penghasilan formulasi makanan ternakan haiwan sebagai sumber protein alternatif melalui Projek Pemprosesan Bio-Sisa menggunakan larva BSF," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Bioremediasi Keluarga Malaysia di Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu, PPK Muar Selatan di sini, semalam.

Beliau berkata, projek itu mampu mengatasi keberuntungan terhadap bahan import makanan haiwan ternakan.

Larva lalat BSF mampu jadi alternatif sumber makanan ternakan

MUAR - Kaedah penternakan larva lalat askar hitam atau *Black Soldier Fly* (BSF) dijangka dapat menjadi sumber makanan alternatif untuk haiwan ternakan sekali gus menjadi 'pembantu' pengubah keadaan bagi mengatasi kebergantungan terhadap bahan import makanan haiwan ternakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, projek menerusi Program Bioremediasi Keluarga Malaysia itu mampu mengurangkan beban pengusahaan ternakan yang kini dibelenggu kenaikan harga dedak.

Selain itu, beliau berkata, penghasilan larva lalat tersebut juga boleh membantu mengurangkan masalah pengurusan sisa domestik dan pertanian di negara ini.

"Kami mengambil iktibar kenaikan

kos makanan ternakan menggunakan bahan import yang ketika ini besar jumlahnya.

"Dengan penghasilan larva ini, ia dapat dijadikan sumber asas kepada protein yang dapat dihasilkan dengan jumlah mengulir untuk mengawal kadar pengeluaran makanan ternak dan harga," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Program Bioremediasi Keluarga Malaysia di Kampung Sungai Sudah di sini pada Isnin.

Program berkenaan adalah di bawah dana Malaysia Inovasi Sosial (MyIS), MOSTI dengan agensi pelaksanaannya iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABD), Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) dan Pertubuhan Peladang Kawasan Muar.

Dr Adham berkata, data daripada Persatuan Usahawan Ruminan Negeri

Sembilan 2022 menunjukkan harga dedak meningkat 30 peratus sejak Mac 2021.

"Sebagai contoh, harga makanan kambing pada Mac tahun lepas adalah sekitar RM52 bagi setiap 50 kilogram, namun ketika ini ia meningkat kepada RM64 bagi setiap 50 kilogram," katanya.

Menurut beliau, MOSTI memainkan peranan penting dalam memantapkan penyelidikan teknologi agromakanan bagi penghasilan formulasi makanan ternakan haiwan sebagai sumber protein alternatif.

"Saya berharap potensi peniternakan BSF ini dapat diterokai dan dibangunkan dengan lebih agresif bagi menjana pendapatan sampingan, selain memelihara kelestarian alam sekitar serta pengurusan sisa yang mampan," katanya.



FOTO: BERNAMA

Dr Adham menunjukkan larva lalat BSF yang telah dikeringkan di Kampung Sungai Sudah, Muar pada Isnin.

Iktiraf pakar tempatan selesai masalah pelbagai bidang

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Malaysia memiliki 20 universiti awam (UA) dan ratusan universiti serta kolej swasta di samping pelbagai institusi penyelidikan di bawah agensi kerajaannya, sejauh mana kita benar-benar memanfaatkan semua kepakaran untuk membangunkan rakyat dan negara, termasuk menangani pelbagai isu timbul kerana pandemik COVID-19.

Isu ini cukup kritikal untuk diperhalusi kerana adalah merugikan andai kepakaran dimiliki gagal digembiang, lebih parah jika kita mengutamakan kepakaran luar tanpa memberi peluang secukupnya kepada pakar tempatan.

Diakui banyak sumbangan diberikan pakar tempatan, namun ia masih belum sampai ke tahap optimum. Akibatnya, banyak hasil penyelidikan tempatan sekadar tersimpan di makmal dan hanya mampu diterbitkan dalam jurnal atau buku. Hakikatnya, kajian berkenaan menghasilkan pelbagai penemuan inovasi dan idea baharu menggunakan geran atau dana daripada kerajaan. Justeru, hasil ditemukan wajar diguna pakai untuk menyelesaikan masalah rakyat serta negara.

Contohnya, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan kepakaran dalam projek penyelidikan makanan alternatif untuk ayam menggunakan larva serangga, black soldier fly (BSF) yang boleh digunakan menggantikan kacang soya sebagai sumber protein dalam dedak ayam.

Ini dapat menawarkan penyelesaian isu kenaikan harga ayam untuk jangka panjang kerana pakar UPM juga menyarankan penggunaan hampas isi-



Penyelidik UPM menawarkan kepakaran dalam projek penyelidikan makanan alternatif untuk ayam guna larva serangga, black soldier fly.
(Foto hiasan)

rung kelapa sawit (PKC) diproses sebagai makanan ayam, menggantikan karbohidrat dalam kacang soya dan jagung.

Sebelum ini, kerajaan juga mengemukakan sedang membangunkan vaksin sendiri untuk melawan pandemik COVID-19, melalui kerjasama Institut Kajian Perubatan (IMR) dengan UPM.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) baru-baru ini, melancarkan Pa-kej Mekanisasi Tanaman Kubis Tanah Rendah bagi meningkatkan pengeluaran hasil serta menjimatkan kos buruh pengusaha ladang. Kejayaan itu membantu ke arah peningkatan pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup petani serta jaminan bekalan dalam sektor pertanian serta makanan.

Jelas, negara ada pakar boleh membantu menyelesaikan pelbagai masalah dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, sains, teknologi, perubatan, ekonomi mahupun sosial.

Bilangan pakar khususnya berkelayakan ijazah doktor falsafah (PhD) cukup ramai dan mereka mampu membantu memulihkan negara serta menjahterakan kehidupan rakyat melalui idea dan inovasi baharu.

Oleh itu, agensi kerajaan perlu kerap mengadakan sesi libat urus dengan pakar tempatan berdasarkan permasalahan dihadapi dengan cara terdekat dan mendengar pandangan serta idea mereka sebelum membuat sesuatu keputusan terutama dalam membangunkan dasar penting.

Dalam konteks ini, kerajaan wajar menyediakan dana mencukupi untuk penyelidikan tempatan melaksana lebih banyak lagi kajian bagi menghasilkan inovasi dan penyelesaian yang diperlukan.

Universiti dan agensi penyelidikan sedia ada sepatutnya dijadikan makmal atau platform mengkaji semua permasalahan, sekali gus mencari penyelesaian terbaik dengan menggunakan pendekatan nilai untuk wang atau *value for money*.

Semua agensi kerajaan wajar menjadikan pakar tempatan sebagai rakan karib dan pakar rujuk yang boleh membantu memberi bimbingan dan nasihat. Jangan sia-siakan kepakaran anak tempatan apatah lagi membiarkan mereka berhijrah ke luar negara hingga menimbulkan gejala 'brain drain' atau penghijrahan cendekiawan.

Tiba masanya kerajaan mengiktiraf dan menghargai peranan pakar tempatan dengan mengadakan lebih banyak sesi libat urus, mendengar pandangan dan idea, menyediakan dana untuk projek penyelidikan berimpak tinggi serta melaksanakan secara serius idea dan inovasi yang ditemukan.

Buah mangga popular dari Perlis dapat sambutan tinggi

Harumanis kembali jadi rebutan

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

ARAU – Peniaga mangga harumanis di sekitar daerah ini tidak menyang tangan melayan permintaan yang banyak hingga mampu meraih keuntungan RM2,500 dalam tempoh lima hari menjual buah tersebut meskipun berdepan dengan kekurangan bekalan.

Tinjauan Kosmo! di Lebuh Raya Changlun-Kuala Perlis dari persimpangan Pauh ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin hala Changlun, Kedah mendapati terdapat sekurang-kurangnya lima buah gerai telah mula menjual raja mangga tersebut.

Peniaga meletakkan harga jualan runcit bagi harumanis gred A bermula daripada RM35 hingga RM40 sekilogram.

Salah seorang peniaga, Ahmad Hafiz Azizun, 37, berkata, dia menyarankan mampu menjual sehingga 600 kilogram buah tersebut dengan pendapatan



SEORANG pelanggan memilih mangga harumanis ketika singgah di gerai Ahmad Hafiz di Arau kelmarin.

mencecah RM21,000.

Katanya, sasaran itu dibuat selepas jualan yang dilakukan dalam

tempoh lima hari sejak Selasa minggu lalu mendapat sambutan memberangsangkan.

"Ada peniaga yang terlebih dahulu menjual harumanis beberapa hari lebih awal daripada saya dan

rata-rata pembeli dari luar Perlis.

"Antara faktor permintaannya tinggi ialah kedudukan lokasi ini, menjadi labuan utama penghujung dari luar Perlis yang menghantar anak mereka ke institusi pengajian tinggi selain beberapa acara sedang berlangsung di negeri ini," katanya.

Seorang lagi peniaga, Subraidi Darus, 43, berkata, selain menjual secara fizikal di gerai, dia turut menerima tempahan secara dalam talian untuk dihantar ke seluruh negara.

Pengerusi Koperasi Pengusaha Harumanis Y.A, Mohd. Asri Yusoff berkata, pengeluaran harumanis mencatatkan penurunan drastik.

"Unjuran pengeluaran kami pada tahun ini adalah sekitar 50 hingga 60 tan metrik berbanding 158 tan metrik pada tahun lalu.

"Lebih separuh telah ditempah manakala bakiannya masih boleh ditempah," katanya.

Hobi tiga sahabat ternak udang kara jadi sumber rezeki baharu

TAMPIN - Tiga sahabat tidak menyangkakan hobi menternak udang secara kecil-kecilan yang dimulakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun di Kampung Ulu Rokan, Gemencheh di sini sebenarnya telah menghadirkan rezeki tambahan kepada mereka.

Mohd Zairi Nasran, 39, berkata, usaha itu bermula apabila dia bertual-bual dengan rakan-ranya mengenai proses menternak udang kara di dalam akuarium dengan benihnya boleh dijual pada harga RM1.50 seekor.

Dia yang juga jurutera di Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang) berkata, seekor induk udang kara boleh menghasilkan kira-kira 200 benih dalam satu-satu masa dan mampu memberi pulangan yang cukup lumayan.

"Saya sertai kursus terlebih dahulu sebelum bersama seorang lagi kenalan, Azharuddin Dollah, 47, yang merupakan kontraktor memulakan khidmat pemasangan tempat bagi ternakan udang kara kecil-kecilan dengan anggaran harga RM450 hingga RM750.



AZHARUDDIN (kiri) bersama Mohd. Zulhelmi (tengah) dan Mohd. Zairi menunjukkan udang kara yang dimerak mereka di Kampung Ulu Rokan, Tampin baru-baru ini.

"Setiap bulan kami terima tempahan sekitar 30 set dan membuat keputusan untuk mengusahakan secara serius dengan dua kolam di Jenderam, Sepang serta terkini di sini (Ulu Rokan) dengan lapan buah kolam di atas tanah milik Mohd. Zulhelmi Mohd Zulkafli, 34," katanya ketika ditemui di Kampung Ulu Rokan, Gemencheh di

sini kelmarin.

Mohd. Zairi yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Persatuan Udang Kara Malaysia (MIFTA) berkata, secara keseluruhannya terdapat 330 penternak udang kara di negara ini, namun, tidak sampai 20 penternak yang melaksanakan projek tersebut secara komersial lebih-lebih lagi bumiputera.

29/3/2022

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI

Udang kara 'musim PKP' kini jana pulangan lumayan

Oleh **NORAINNA HAMZAH**
 utusannews@mediamulla.com.my

TAMPIN: Bermula untuk mengisi waktu semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu, penternakan udang kara yang diusahakan tiga orang kini mula mendatangkan pulangan lumayan.

Mohd. Zairi Nasran, 39, berkata, semuanya bermula apabila dia terfikir untuk memternak udang kara di dalam akuarium dan kemudian rakannya memaklumkan benih udang kara boleh dijual pada harga RM1.50 seekor.

Menurutnya, seekor induk udang kara boleh menghasilkan kira-kira 200 benih pada satu-satu masa dan jumlah itu tentunya mampu membenarkan hasil cukup baik.

"Saya terlebih dahulu menyertai kursus dan diikuti oleh seorang lagi kenalan, Azharuddin Dollah, 47, yang merupakan kon- traktor dan memulakan khidmat pemasangan tempat bagi ternakan udang kara kecil-kecilan.

"Setiap bulan kami terima tempahan sekitar 30 set dan membuat keputusan untuk meng- usahakan secara serius dengan dua kolam di Jenderam, Sepang

serta terbaharu di Kampung Ulu Rokan di sini dengan lapan buah kolam di atas tanah milik seorang rakan kami, Mohd. Zulhelmi Mohd Zulkafli, 34," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Zairi yang juga Ahli Jawatankuasa Per- tubuhan Dagangan Antarabangsa Udang Kara Malaysia (Mifta) berka- ta, terdapat kira-kira 330 orang penternak udang kara di negara ini, namun tidak sampai 20 orang pen- ternak yang melaksanakan projek tersebut secara komersial.

Katanya, permintaan bagi udang kara sangat baik malah mereka juga ada waktunya sukar untuk memenuhi permintaan pe- langgan termasuk dari pengusaha restoran dan pemboroxig.

"Harga runcit bagi seekor udang kara ketika adalah sekitar RM90 hingga RM120. Kolam ter- nakan di sini mula memasok kali kedua hasil tuaian dan pada tuain pertama dahulu, hasilnya mence- cah 400 kilogram," jelasnya.

Sementara itu, Mohd. Zul- helmi memberitahu, mereka kini berhasrat untuk menjadi peng- usaha bumiputera terbesar yang memternak udang kara di negara ini dengan sasaran pengeluaran sebanyak 1.2 tan sebulan.



MOHD. Zairi Nasran (kiri) bersama rakannya menunjukkan udang kara yang diternak mereka di Kampung Ulu Rokan, Tampin. - UTUSAN/NORAINNA HAMZAH

29/3/2022

SINAR

NEGERI

23

HARIAN

KEDAH

Permintaan itu turut ditampung dari Thailand, Kemboja dan Laos

Oleh ROSLINDA HASHIM

KULIM

Bekalan daging untuk keperluan sepanjang Ramadan dan Syawal di Kedah dijangka mencukupi pada tahun ini.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, ini kerana bekalan daging turut diperolehi dari beberapa negara seperti Thailand, Kemboja dan Laos bagi memampukan perminitan pada musim perayaan.

Menurutnya, pada tahun ini eksport bekalan daging dari luar tidak terjejas berbanding tahun lalu akibat penyakit kulit-kemal (LSD) yang menjangkiti ternakan.

"Saya percaya bekalan daging kali ini tiada masalah, sebab kita ada bawa masuk lembu dari negara jiran melalui pintu masuk Bukit Kayu Hitam. Tahun lepas daging import agak perlahan sebab LSD, tahun ini lebih lancar susulan penyakit itu sudah terkawal," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2022 di Stadium Kulim di sini, pada Isnin.

Dalam perkembangan berkaitan, Azman berkata, Kedah

sedang giat menjalankan program beka lembu tempatan bagi memampung keperluan domestik memandangkan populasi masih rendah.

"Produk ruminan atau veterinar kita tidak boleh dieksport sebab masih ada ternakan yang dijangkiti penyakit kuku dan mulut (FMD).

"Sebagai langkah merancang kan lagi industri ternakan, program zon bebas penyakit FMD Langkawi sedang giat dijalankan dan dijangka mendapat status bebas penyakit secara vaksinasi menjelang 2025," katanya.

Menurutnya lagi, projek perintis itu merupakan zon bebas FMD pertama dalam negara dan akan diperluaskan ke daerah lain.

"Bagi menjamin keselamatan produk makanan, insentif bagi menaikkan rumah sembelih ruminan sedia ada ditawarkan kepada pengusaha yang melonggarkan daging jualan kepada orang awam bagi melengkapkan fasiliti selaras dengan Pelesenan Rumah Sembelih Swasta," katanya.

Menurutnya lagi, pelbagai inisiatif diambil oleh kerajaan negeri bagi pembangunan ternak semua komoditi di negeri ini.

"Baru-baru ini kita bersejaja



Azman (tempat dari kiri) bergambar bersama penerima pelbagai anugerah yang disampaikan sempena HPPNK 2022 di Stadium Kulim pada Isnin.

melaksanakan tempoh pemutihan pelesenan yang julung kali diadakan selepas pewartan pada tahun 2008 bagi memberi peluang ladang-ladang yang beroperasi tanpa lesen mengemukakan rayuan permohonan lesen agar dapat menjalankan aktiviti secara sah, tertakluk kepada Enakmen Perdagangan Unggas 2005," katanya.

Azman memaklumkan, kerajaan negeri juga bersetuju memberi insentif ternakan secara geran pamadangan kepada penternak yang mempetiaskan lagi aktiviti dan kapasiti ternakan sedia ada.

"Penternak juga bertepatan

dengan penyakit ternakan seperti LSD dan African Swine Fever yang beri impak ekonomi kepada penternak. Kita akan bantu mereka dengan memberi vaksin LSD percuma.

"Mereka turut dibebani dengan kenaikan harga bekalan makanan ternakan import dan kualiti makanan yang terjejas disebabkan kenaikan harga bahan mentah import, kesan daripada kenaikan kos kontena dan kualiti terjejas dalam tempoh pengangkutan dan kejadian bencana di negara pengeluar," katanya lagi.

Menurutnya, pengeluaran sektor penternakan ruminan di

Kedah menyumbang kepada 9 peratus pengeluaran negara meningkat dengan perlahan dan didominasi penternak kecil dan sederhana.

"Pengeluaran daging ayam dan telur kekal memenuhi kadar sara diri negeri Kedah, melebihi 100 peratus bagi daging ayam dan 95 peratus telur ayam.

"Kerajaan Persekutuan telah umumkan subsidi harga ayam dan telur bagi mengurangkan beban penternak dalam tempoh kawalan harga daging ayam dan telur melibatkan peruntukan RM528.52 juta, memanfaatkan 160 penternak di Kedah," katanya.

Ensutouch kosmetik enzim nanas hasil penyelidikan

SHAH ALAM: Komponen nanas seperti kulit, mahkota dan empulur (core) yang dipenuhi enzim bromelain diaplikasi sepenuhnya menjadi bahan utama produk kecantikan dan penjagaan kulit, Ensutouch.

Enzim bromelain yang bermanfaat sebagai agen pemutihan, anti penuaan, anti radang, ejen pelembab dan anti oksida amat bersesuaian untuk meremajakan kulit ditemui menerusi kajian dan penyelidikan serta pemindahan teknologi lebih dua tahun oleh Institut Piawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM Berhad.

Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidik Bioteknologi Perindustrian SIRIM, Dr. Nurul Izza Nordin berkata, Ensutouch merupakan produk penjagaan kulit pertama yang dihasilkan dengan teknologi enzim daripada bahan biomass nanas yang terbukti selamat, berkesan dan berkualiti.

"Penghasilan produk kecantikan dan kesihatan itu menggunakan teknologi hijau melibatkan pemrosesan biojisim komponen nanas tanpa penggunaan bahan kimia berbahaya," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Nurul Izza memberitahu, kelebihan produk Ensutouch juga mampu meningkatkan kelembapan kulit sebanyak 40 peratus dalam tempoh enam jam dan sangat sesuai serta bermanfaat kepada pengguna selaras dengan cuaca di negara ini. Tambah beliau, kesan kelembapan pada kulit juga dapat dikesan serta merta dan kesan lebih baik dapat dilihat dalam tempoh kurang daripada tiga jam.

"Enzim bromelain juga menjadi pemangkin kepada



PENYELIDIK Kanan, Pusat Penyelidik Bioteknologi Perindustrian SIRIM, Dr. Nurul Izza Nordin (kanan) bersama dengan Pengerusi merangkap pengasas Ensu Lifesciences Sdn. Bhd., Dr. Suhana @ Husin Misnan (kiri) di makmal prosedur penghasilan produk kosmetik menggunakan ekstrak nanas di SIRIM Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

FAKTA ENSUTOUCH

- » Dihasilkan daripada enzim bromelain pada nanas
- » Kerjasama dan persijilan daripada SIRIM
- » Empat dalam satu pemutihan, melembapkan anti radang, anti penuaan dan antioksidan
- » Menerima Anugerah Perak ITEX 2018
- » **Laman sesawang:** www.ensutouch.online

proses rejuvenasi kulit untuk penggantian sel kulit baharu yang lebih cepat seterusnya menghasilkan kulit lebih segar dan anjal," tegasnya.

Bagi Pengerusi Eksekutif merangkap pengasas Ensu Lifesciences Sdn. Bhd., Dr.

Suhana @ Husin Misnan, pihaknya melihat potensi tinggi dengan ramai tidak mengetahui kelebihan biomass nanas yang mampu dijadikan nilai tambah berbanding terbuang menjadi makanan ruminan dan baja.

Menurut beliau, biomass terhasil daripada industri bukan pertanian. Sehubungan itu, beliau mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutama petani nanas tradisional yang berkemungkinan pada masa depan akan menjadi peraih dalam mengambil komponen kulit dan jambul nanas itu berbanding sekarang hanya dibuang begitu sahaja.

"Pelaburan penyelidikan produk dan pemindahan teknologi ini berjumlah kira-kira RM700,000 termasuk menerusi geran SIRIM Fraunhofer dengan

kita mahu Ensutouch menjadi produk pada masa depan.

"Kerjasama dengan SIRIM memberi kelebihan kerana ia satu badan yang berintegriti dalam jaminan kualiti, seterusnya menambah keyakinan kepada pengguna Ensutouch terhadap jaminan keselamatan dan keberkesanan produk dibuktikan dengan data serta ujian klinikal," katanya.

Suhana menjelaskan, lebih membanggakan produk Ensutouch yang mula dilancarkan pada 13 Mac 2019 telah mendapat pengiktirafan awal dengan memenangi Anugerah Perak Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) pada 2018. "Produk ini juga mendapat sambutan memberangsangkan dalam pameran di Bangkok, Thailand; Korea dan Taiwan.

"Kita juga di bimbing oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) untuk pemasaran di sana. Namun, fokus utama di sekitar negara-negara Asia Tenggara.

"Bagi mendapatkan jaminan kawalan mutu yang seragam, kita mendapat bekalan biomass nanas dari jenis MD2 hanya dari Kulim Pineapple Farm yang memiliki sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) yang merupakan anak syarikat Johor Corporation (JCorp).

"Kami percaya bahawa produk berkualiti tentunya adalah daripada bahan mentah yang berkualiti," jelasnya.

Menyentuh produk Ensutouch yang telah berada di pasaran, Pegawai Pemasaran Ensu Lifesciences Sdn. Bhd., Samhan Mohd. Yusoff menjelaskan setakat ini ada lima produk iaitu serum, pencuci muka, *sleeping mask*, essence dan bedak asas dengan sasaran pelanggan dari usia remaja dan ke atas.

Ujarnya, penjualan dalam tempoh enam bulan pertama selepas dilancarkan mencecah sehingga RM1 juta dan pada tahun 2020 mencatatkan jualan sebulan lebih RM2 juta direkodkan.

"Kita telah mempunyai lebih 300,000 pengguna setia yang cukup yakin dengan produk yang mempunyai tahap kualiti antarabangsa.

"Bagi tiga produk iaitu serum, pencuci muka dan *sleeping mask* hanya pada harga RM219 dan mampu boleh digunakan dalam tempoh dua bulan bergantung kepada penggunaan.

"Kita juga menawarkan harga promosi RM90 sahaja bagi kombinasi produk itu untuk *travel pack*," katanya.



KELEMBAPAN kulit dapat dipertingkatkan sehingga 40 peratus bagi pelanggan yang mengamalkan produk Ensutouch.



PRODUK Ensutouch bukan sahaja mendapat tempat di pasaran domestik telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa kerana tahap kualitinya.

Ensutouch kosmetik enzim nanas hasil penyelidikan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Komponen nanas seperti kulit, mahkota dan empulur (core) yang dipenuhi enzim bromelain diaplikasi sepenuhnya menjadi bahan utama produk kecantikan dan penjagaan kulit, Ensutouch.

Enzim bromelain yang bermanfaat sebagai ejen pemutihan, anti penuaan, anti radang, ejen pelembab dan anti oksida amat bersesuaian untuk meremajakan kulit ditemui menerusi kajian dan penyelidikan serta pemindahan teknologi lebih dua tahun oleh Institut Plawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM Berhad.

Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidik Bioteknologi Perindustrian SIRIM, Dr. Nurul Izza Nordin berkata, Ensutouch merupakan produk penjagaan kulit pertama yang dihasilkan dengan teknologi enzim daripada bahan biomass nanas yang terbukti selamat, berkesan dan berkualiti.

"Penghasilan produk kecantikan dan kesihatan itu menggunakan teknologi hijau melibatkan pemrosesan biojisim komponen nanas tanpa penggunaan bahan kimia berbahaya," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Nurul Izza memberitahu, kelebihan produk Ensutouch juga mampu meningkatkan kelembapan kulit sebanyak 40 peratus dalam tempoh enam jam dan sangat sesuai serta bermanfaat kepada pengguna selaras dengan cuaca di negara ini.

Tambah beliau, kesan kelembapan pada kulit juga dapat dikesan serta-merta dan kesan lebih baik dapat dilihat dalam tempoh kurang daripada tiga jam.

"Enzim bromelain juga menjadi



BARISAN penyelidik dari SIRIM bersama Ensu Lifescience Sdn. Bhd. yang berjaya membangunkan produk Ensutouch. – ZULFADHLI ZAKI

Ensutouch

- Dihasilkan daripada enzim bromelain pada nanas
- Kerjasama dan persijilan daripada SIRIM
- Empat dalam satu pemutihan, melembapkan anti radang, anti penuaan dan antioksidan
- Dapat Anugerah Perak ITEX 2018
- Laman sesawang www.ensutouchonline.com

pemangkin kepada proses rejuvinasi kulit untuk menggantikan sel kulit baharu yang lebih cepat seterusnya menghasilkan kulit lebih segar dan anjal," tegasnya. Bagi Pengerusi Eksekutif merangkap pengasas Ensu

Lifesciences Sdn. Bhd., Dr. Suhana @ Husin Mislan berkata, pihaknya melihat potensi tinggi dengan ramai tidak mengetahui kelebihan biomass nanas yang mampu dijadikan nilai tambah berbanding terbuang menjadi makanan ruminan dan baja.

Menurut beliau, biomass terhasil daripada industri bukan pertanian.

Sehubungan itu, beliau mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutama petani nanas tradisional yang berkemungkinan pada masa depan akan menjadi peraih dalam mengambil komponen kulit dan jambul nanas itu berbanding sekarang hanya dibuang begitu sahaja.

"Pelaburan penyelidikan produk dan pemindahan teknologi ini berjumlah kira-kira RM700,000 termasuk menerusi geran SIRIM

Fraunhofer dengan kita mahu Ensutouch menjadi produk pada masa depan.

"Kerjasama dengan SIRIM memberi kelebihan kerana ia adalah satu badan yang berintegriti dalam jaminan kualiti seterusnya menambah keyakinan kepada pengguna Ensutouch terhadap jaminan keselamatan dan keberkesanan produk dibuktikan dengan data serta ujian klinikal," katanya.

Suhana menjelaskan, lebih membanggakan produk Ensutouch yang mula dilancarkan pada 13 Mac 2019 telah mendapat pengiktirafan awal dengan memenangi Anugerah Perak Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) pada 2018.

"Produk ini juga mendapat sambutan memberangsangkan dalam pameran di Bangkok,

Thailand; Korea dan Taiwan. "Kita juga dibimbing oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) untuk pemasaran di sana. Namun, fokus utama di sekitar negara-negara Asia Tenggara.

"Bagi mendapatkan jaminan kawalan mutu yang seragam, kita mendapatkan bekalan biomass nanas dari jenis MD2 hanya dari Kulim Pineapple Farm yang memiliki sijil Amalan Pertanian Baik (GAP) yang merupakan anak syarikat Johor Corporation (JCorp). "Kami percaya bahawa produk berkualiti tentunya adalah daripada bahan mentah yang berkualiti," jelasnya.

Menyentuh produk Ensutouch yang telah berada di pasaran, Pegawai Pemasaran Ensu Lifesciences Sdn. Bhd., Samhan Mohd. Yusoff menjelaskan setakat ini ada lima produk iaitu serum, pencuci muka, 'sleeping mask', essence dan bedak asas dengan sasaran pelanggan dari usia remaja dan ke atas.

Ujarnya, penjualan dalam tempoh enam bulan pertama selepas dilancarkan mencecah sehingga RM1 juta dan pada tahun 2020 mencatatkan jualan sebulan lebih RM2 juta direkodkan.

"Kita telah mempunyai lebih 300,000 pengguna setia yang cukup yakin dengan produk yang mempunyai tahap kualiti antarabangsa.

"Bagi tiga produk iaitu serum, pencuci muka dan sleeping mask hanya pada harga RM219 dan mampu boleh digunakan dalam tempoh dua bulan bergantung kepada penggunaan.

Kita juga turut menawarkan harga promosi RM90 sahaja bagi kombinasi produk itu untuk travel pack katanya.